



PELAN STRATEGIK

GUAMUSANG MELANGKAH KEHADAPAN

KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN


2016 - 2025



KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|------------|
| ■ KATA-KATA ALUAN | 1 |
| ■ RUJUKAN | 3 |
| ■ BAB 1 - PENDAHULUAN | 4 |
| ❖ COGAN MAKNA | 5 |
| ❖ RINGKASAN EKSEKUTIF | 6 |
| ❖ PENGENALAN DAN LATARBELAKANG MDGM | 7 |
| ❖ CARTA ORGANISASI MDGM | 9 |
| ■ BAB 2 - FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS | 10 |
| ❖ PUNCA KUASA | 12 |
| ❖ STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN | 13 |
| ❖ VISI MDGM | 14 |
| ❖ MISI MDGM | 14 |
| ❖ MOTO MDGM | 15 |
| ❖ PIAGAM PELANGGAN MDGM | 16 |
| ■ BAB 3 - PELAN TINDAKAN STRATEGIK | 17 |
| ■ “MDGM MELANGKAH KEHADAPAN : KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN” 2016-2025 | |
| ❖ PETA STRATEGIK | 33 |
| ❖ PERSPEKTIF PELANGGAN | 34 |
| ❖ PERSPEKTIF KEWANGAN | 35 |
| ❖ PERSPEKTIF PROSES DALAMAN | 36 |
| ❖ PERSPEKTIF PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN | 37 |
| ❖ ELEMEN PENENTU KEJAYAAN | 38 |
| ❖ MEKANISME PELAKSANAAN | 40 |
| ■ BAB 4 - PENUTUP | 41 |

PELAN STRATEGIK MDGM 2016 - 2025



KATA-KATA ALUAN

Saya memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah InayahNya, Majlis Daerah Gua Musang dapat mengadakan Pelan Strategik bagi panduan pengurusan bagi tempoh 10 tahun, 2016 hingga 2025.

Adalah menjadi suatu keperluan dan kemestian bagi agensi awam menyediakan Pelan Strategik, sebagai panduan dan pelan tindakan dalam usaha meningkatkan kualiti dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pihak Berkuasa Tempatan sebagai “Kerajaan Diperingkat Tempatan” tidak terkecuali daripada keperluan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerana rakyat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah pembayar cukai yang berhak mendapat perkhidmatan terbaik.

Penyampaian perkhidmatan, pengurusan cekap tidak diperolehi tanpa suatu perancangan tindakan dan kerja yang tersusun, berjadual dan dirancang. Oleh itu, Pelan Strategik adalah satu kaedah pengurusan Jabatan dan pengurusan sumber manusia yang dapat membantu ke arah memperkasakan sesuatu Jabatan dan organisasi. Wawasan, misi, visi Jabatan tidak hanya terletak pada pernyataan bertulis semata-mata tetapi lebih penting dilaksana dan direalisasikan melalui tindakan kerja, perancangan tindakan dan penilaian.

Dengan Pelan Strategik yang kemas, bercorak makro, komprehensif dan realistik dicapai akan memandu pengurusan sesuatu organisasi. Tindakan warga organisasi dapat dipandu, dipantau berdasarkan pelan penyusunan kerja, kearah tujuan dan sasaran yang jelas. Kelemahan yang terbit dari setiap tindakan dapat dikenalpasti, di atasi dan ditambah baik.

Negara kita mempunyai matlamat, menjadikan pentadbiran awam Negara, sebagai pentadbiran awam bertaraf dunia. Justeru demikian setiap peringkat agensi awam perlu memberi fokus kepada matlamat tersebut. Usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi menghasilkan perkhidmatan yang cekap, berintegriti, telus, adil dan saksama kerana rakyat berhak mendapat perkhidmatan terbaik dan rakyat perlu didahulukan.

“Satu perkhidmatan, suatu penyampaian tiada pintu yang salah” perlu diterap dan direalisasikan di alam kenyataan. Ekspektasi pelanggan dan aspirasi rakyat sentiasa meningkat. Justeru demikian organisasi awam perlu merencanakan tindakan bagi penghasilan perkhidmatan yang melepas espektasi pelanggan. Dalam era globalisasi tanpa sempadan, peningkatan daya saing negara merupakan infra penyumbang kepada pembangunan negara.

Organisasi awam khususnya Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyahut cabaran dan menyusun tindakan bagi meningkatkan daya saing masing-masing agar sasaran Pentadbiran Awam Malaysia akan berada ditahap pentadbiran awam bertaraf dunia, tidak hanya sebagai impian kosong.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka Pelan Strategik Majlis Daerah Gua Musang ini. Mudah-mudahan usaha kita semua diberkati dan apa yang kita impikan tercapai menjadi suatu kenyataan dan kejayaan untuk kita semua.

Sekian, terima kasih.

(TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF)

YANG DIPERTUA

MAJLIS DAERAH GUA MUSANG



RUJUKAN

| SINGKATAN NAMA | |
|-----------------------|---------------------------------------|
| MDGM | Majlis Daerah Gua Musang |
| JPSM | Jabatan Pentadbiran Sumber Manusia |
| JP | Jabatan Perbendaharaan |
| JPI | Jabatan Pembangunan Islam |
| JPPB | Jabatan Perancangan Pembangunan |
| JKPJ | Jabatan Pembangunan Kejuruteraan |
| JKKA | Jabatan Perlesenan Dan Kesihatan Awam |
| TNB | Tenaga Nasional Berhad |
| JTM | Jabatan Teknologi Maklumat |
| OSC | Jabatan Pusat Setempat |
| MPOB | Malaysian Palm Oil Board |
| MTIB | Malaysian Timber Industry Board |
| KPTM | Kolej Poly-Tech Mara |
| KESEDAR | Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| TIC | Kelantan Tourism Information Centre |
| UPEN | Unit Perancang Ekonomi Negeri |
| UMK | Universiti Malaysia Kelantan |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |

BAB 1

PENDAHULUAN



COGAN MAKNA MDGM

- M** - *Marilah*
- A** - *Ahli Majlis dan semua anggota*
- J** - *Jalankan*
- L** - *Langkahmu dan menyumbang fikiran bernes*
- I** - *Ikrar yang teguh*
- S** - *Semangat yang jitu*
- D** - *Dalam mengharungi era pembangunan*
- A** - *Arahkan semangatmu untuk membina*
- E** - *Enviroment sejagat yang bersih indah*
- R** - *Rakyat yang mengharap pasti gembira*
- A** - *Aktiviti Pihak Berkuasa Tempatan yang berkesan*
- H** - *Hari ini dan hari muka*
- G** - *Gagahkan semangatmu serta*
- U** - *Usaha yang bersungguh-sungguh*
- A** - *Agar kita berjaya membina*

- M** - *Maya pada ini menjadi*
- U** - *Utuh*
- S** - *Sejahtera*
- A** - *Aman dan*
- N** - *Nyaman, gilang gemilang itulah*
- G** - *“Gua Musang”*

“ GUA MUSANG”



RINGKASAN EKSEKUTIF

Sejak 10 tahun kebelakangan ini, Bandar Gua Musang telah mengalami tekanan pembangunan yang semakin meningkat terutama di sektor perumahan dan perindustrian. Disamping itu juga, MDGM memainkan peranan sebagai pusat perkhidmatan utama daerah yang mempunyai saiz penduduk dan kemudahan prasarana yang lengkap dan maju. Ianya juga akan berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran, Pusat Perdagangan dan Pusat Perindustrian bagi Jajahan Kelantan Selatan, Negeri Kelantan.

Selaras dengan tren masa kini dan potensi pembangunan masa depan, maka MDGM akan membangunkan pelan strategik berasaskan kepada visinya iaitu ke arah menjadikan MDGM sebuah PBT yang Maju, Makmur dan Sejahtera menjelang 2025.

Elemen penentu kejayaan visi yang ditetapkan bergantung kepada teras/objektif strategik yang ditetapkan iaitu ***memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayakan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi, menentukan perancangan pembangunan selaras dengan pelan rancangan struktur dan pelan rancangan tempatan, memperbanyakkan kemudahan dan infrastruktur awam bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat serta mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.***

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG MDGM

Di awal penubuhan, Majlis ini dikenali dengan nama Majlis Daerah Ulu Kelantan. Menerusi Warta K.N. PU 32 yang bertarikh 13 September, 1983, Majlis Daerah Ulu Kelantan telah ditukar nama kepada Majlis Daerah Gua Musang. Penyusunan semula dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mulai 1 Januari, 1979.

Majlis Daerah Gua Musang telah dibentuk hasil daripada penubuhan serta pencantuman dua buah penguasa tempatan yang sedia ada iaitu Lembaga Bandaran Gua Musang dengan Majlis Tempatan Bertam yang telah ditubuhkan pada 1 Mac, 1984 dibawah seksyen 3(1) Undang-undang Majlis Tempatan 1952.

Disamping itu, Majlis Daerah Gua Musang meluaskan lagi empayarnya melalui Pengistiharan Bandar Baru Gua Musang pada 7 Mei, 1987 dengan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11(d) Kanun Tanah Negara 1965 No. Kn. P.U. 11 P.W. 262 dan dengan mengadakan perluasan kawasan operasi Majlis daripada 0.68 batu persegi (1.76 kmq) kepada 50 batu persegi (129.5 kmq). Antara kawasan tersebut ialah Kg. Star, Kg. Pulai, Pasir Tumbuh, Chegar Bongor, Kg. Kerinting, Limau Kasturi, Batu Papan dan Kg. Lepan Tupai (Lepan Jaya).

Hasrat Kerajaan supaya Penguasa-penguasa Tempatan yang disusun semula ini akan mempunyai taraf ekonomi, kewangan dan menerima undang-undang yang seragam. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memberi kepada tiap-tiap Penguasa Tempatan yang disusun semula geran pelancaran dan geran tahunan serta keseragaman pemakaian undang-undang seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Pada tahun 2003, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan perluasan kawasan MDGM yang merangkumi keseluruhan Jajahan Gua Musang. (7,979,769.0 km. persegi). Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya dengan ini mengubah Sempadan Majlis Daerah Gua Musang mulai 1hb. September, 2005 sebagaimana berikut:-

| Bil. | Daerah | Mukim | Keluasan Mukim (km. persegi) |
|-------------|---------------|----------------------|---|
| 1. | Galas | a) Batu Papan | 176.8902 |
| | | b) Bandar Gua Musang | 2.4604 |
| | | c) Ketil | 151.2502 |
| | | d) Pulai | 284.3710 |
| | | e) Renok | 362.2265 |
| | | f) Gua Musang | 9.8416 |
| 2. | Bertam | a) Bertam | 38.3305 |
| | | b) Limau Kasturi | 140.3726 |
| | | c) Ulu Nenggiri | 3'993.6258 |
| 3. | Ciku | a) Relai | 2'820.4011 |

BAB 2

FUNGSI DAN

PERANAN MDGM





FUNGSI DAN PERANAN MDGM

Mengikut seksyen 5 Akta 171, Majlis Daerah Gua Musang, merupakan sebuah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang berfungsi mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan di dalam kawasan tadbirnya. Diantara fungsi Majlis Daerah Gua Musang secara terperinci:-

1. Merancang, membina dan menyelenggara kemudahan awam dan infrastruktur.
2. Menyelaraskan kemajuan projek-projek pembangunan.
3. Membuat kutipan hasil.
4. Menyediakan perkhidmatan dan pelupusan sisa pepejal.
5. Mengawasi kebersihan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan kesihatan awam.
6. Pengindahan kawasan.
7. Menimbang dan meluluskan lesen-lesen premis perniagaan.
8. Menilai harta-harta dalam kawasan pentadbiran.
9. Bertindak sebagai perancang bagi menjamin pembangunan yang terancang, keindahan kawasan-kawasan kutipan hasil, kebersihan dan kesihatan yang terkawal.

PUNCA KUASA MDGM

STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN MDGM



VISI MDGM

MENJADIKAN MAJLIS DAERAH GUA MUSANG SEBUAH PBT YANG MAJU, MAKMUR DAN SEJAHTERA MENJELANG TAHUN 2025.

Sejak 10 tahun kebelakangan ini, Bandar Gua Musang telah mengalami tekanan pembangunan yang semakin meningkat terutama di sektor perumahan dan perindustrian.

Selaras dengan tren masa kini dan potensi pembangunan masa depan, visi Majlis Daerah Gua

HUBUNGAN ANTARA MDGM DENGAN STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

Musang adalah *ke arah menjadikan majlis daerah gua musang sebuah PBT yang maju, makmur dan sejahtera menjelang 2025.*

Disamping itu juga, ia memainkan peranannya sebagai pusat perkhidmatan utama daerah yang mempunyai saiz penduduk dan kemudahan prasarana yang lengkap dan maju. Ianya juga akan berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran, Pusat Perdagangan dan Pusat Perindustrian bagi Jajahan Kelantan Selatan Negeri Kelantan.

MISI MDGM

“MENJADIKAN GUA MUSANG BANDAR HIJAU, MAJU DAN BERDAYA SAING.”

Bagi merealisasikan visi yang ditetapkan, misi perlu dibentuk atau diwujudkan kerana misi adalah penentu kejayaan sesuatu visi yang ditetapkan. MDGM telah menetapkan misinya iaitu *menjadikan kawasan pentadbiran bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya.*

Misi ini akan membantu berjaya visi yang diwujudkan. Menjelang tahun 2025 MDGM berhasrat dapat menjadikan kawasan pentadbirannya bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya yang akan dapat dinikmati oleh penghuninya.

MOTO MDGM

“BERSIH, INDAH, CERIA”

MDGM berhasrat dapat merintis kegemilangan penyampaian perkhidmatan perbandaran kepada semua lapisan penghuninya tidak kira golongan, budaya dan agama. Moto ini perlu ada dan disemai oleh setiap warga kerja MDGM.



PIAGAM PELANGGAN MDGM

1. Memberi layanan yang mesra dan sentiasa bersedia memberi pertolongan apabila berurusan dengan kami
2. Satu persekitaran yang bersih, nyaman dan indah bagi dinikmati oleh setiap penghuni.
3. Kami akan meluluskan permohonan mendirikan kilang dan rumah persendirian dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan dengan syarat mendapat sokongan dari jabatan-jabatan berkaitan dalam tempoh yang ditetepkan.
4. Memberi kelulusan membaiki rumah persendirian dalam tempoh 3 bulan dengan syarat permohonan tersebut memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
5. Kami akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CCC) 2 minggu dari tarikh permohonan dikemukakan dengan syarat disertakan sokongan dari lain-lain jabatan yang diperlukan.
6. Memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap, cepat dan berkualiti kepada pelanggan/warga melalui sistem pengawasan yang teratur dan berkesan dalam usaha memastikan Bandar Gua Musang sentiasa bersih, indah dan ceria.
7. Responsif kepada kehendak warga dalam menyediakan kemudahan awam yang berkualiti. Memastikan kerja-kerja pembaikan kecil kepada infrastruktur asas dilaksanakan segera dalam jangka masa 14 hari hingga 30 hari.

BAB 3

PELAN TINDAKAN

STRATEGIK

“MDGM MELAKUKAN

KEHADAPAN

KEBERKATAN :

KEMAKMURAN,

KEBAJIKAN,

2016-2025”

PELAN TINDAKAN STRATEGIK

“ MDGM MELANGKAH KEHADAPAN : KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN ” 2016-2025

1. KEBERKATAN

1. Agama & Dakwah

1. Memantapkan akidah dan meningkatkan kefahaman serta penghayatan rakyat untuk mematuhi syariat
2. Melahirkan masyarakat berakhlaq dan mempunyai jati diri.

2. Pendidikan Dan Pembangunan Insan.

1. Kelantan sebagai Pusat Pengajian dan Pendidikan Islam yang ulung untuk semua peringkat. (Kelantan sebagai Universiti Terbuka)


3. Pentadbiran Awam

1. Melahirkan penjawat awam yang profesional, kompeten dan berintegriti.
2. Memantapkan pemahaman dan pembudayaan UBUDIYAH, MASULIYAH & ITQAN (UMI) di kalangan penjawat awam
3. Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

2. KEMAKMURAN

1. Pengukuhan Kewangan MDGM

1. Peningkatan Hasil MDGM
2. Bajet berimbang (perbelanjaan selari dengan pendapatan)
3. Pengurusan Kewangan yang Mapan
4. Meningkatkan pendapatan isi rumah (*house-hold income*) dan MDGM.

- 
5. Mengurangkan kadar migrasi rakyat Kelantan ke luar Kelantan.
 6. Membudayakan rakyat bersukan.
-
2. **Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan**
 1. Peningkatan ekonomi Jajahan Gua Musang
 2. Menjadikan biodiversiti dan sektor industri sebagai antara sektor utama penyumbang ekonomi Jajahan Gua Musang
 3. Menjadikan Gua Musang sebagai Hab Halal Utama Kelantan.
 4. Menjadikan Gua Musang sebagai tumpuan utama pelancongan dalam dan luar Kelantan
 5. Menjadikan Gua Musang sebagai destinasi pelaburan yang kondusif

 3. **Pembangunan Infrastruktur Dan Fizikal**
 1. Mengurangkan impak yang besar kesan daripada bencana banjir
 2. Mewujudkan hab pengangkutan bersepadu bagi menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan hubungan Negeri Kelantan
 3. Meningkatkan penembusan jalur lebar secara signifikan di seluruh Negeri Kelantan

3. KEBAJIKAN

1. Kebersihan Dan Kesihatan Rakyat

1. Meningkatkan keberkesanan pengurusan kebersihan dalam kawasan perbandaran
2. Mewujudkan prasarana kesihatan dan persekitaran yang terbaik bagi Negeri Kelantan

2. Pembangunan Perbandaran

1. Kearah pembangunan bandar yang dapat memenuhi keperluan semasa dan keperluan masa depan
2. Mewujudkan bandar-bandar baru yang bercirikan Islam dan mengekalkan identiti tradisional Kelantan
3. Menerapkan inisiatif “**Green City**” di semua PBT.

PELAN TINDAKAN STRATEGIK

“ MDGM MELANGKAH KEHADAPAN : KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN ” 2016-2025

| Bil | Tonggak / Bidang | Sasaran | Tindakan | Pelaksana | Tahun Pelaksana |
|-----|--|---|---|-----------|--------------------------------|
| 1. | <u>KEBERKATAN</u> 1. Agama & Dakwah. | 1. Memantapkan akidah dan meningkatkan kefahaman serta penghayatan rakyat untuk mematuhi syariat. | <p>1.Merangka program - program yang lebih menarik dan kreatif berdasarkan kumpulan sasaran yang jelas.</p> <p>2.Kerjasama strategik perlu dibangun dan dipergiatkan dengan Agensi-Agenzi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Agensi-Agenzi Persekutuan dan Badan Berkanun serta pihak Korporat untuk membina kefahaman Islam terhadap rakyat.</p> | JPI | 2018 – 2025 2018 – 2025 |
| | | 2. Melahirkan masyarakat berakhlaq dan mempunyai jati diri. | <p>1.Melaksanakan program-program yang berbentuk forum, diskusi dan kursus mengikut konsep Keluarga Mawaddah.</p> <p>2. Memperkuatkkan program berdasarkan</p> | JPI | 2018 – 2025 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|--------------------------------------|---|--|---------------|-------------|
| | | | <p>modul perkhidmatan kejirananan Pusat Pembangunan Keluarga, Sosial Dan Komuniti (PPKSK) di setiap jajahan.</p> <p>3.Meningkatkan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil berkaitan kesopanan dikawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> | JPI /JP (BKT) | 2018 – 2025 |
| | 2. Pendidikan Dan Pembangunan Insan. | 1. Kelantan sebagai Pusat Pengajian dan Pendidikan Islam yang ulung untuk semua peringkat. (Kelantan sebagai Universiti Terbuka). | 1.Mewujudkan Zon Ilmu (Kompleks Pendidikan Islam) yang lengkap dari peringkat rendah sehingga tinggi). | JPI | 2018 – 2025 |
| | 3. Pentadbiran Awam. | 1. Melahirkan penjawat awam yang profesional, kompeten dan berintegriti. | 1.Memberi kemudahan dan insentif galakan kepada penjawat awam yang mendapat Ijazah Lanjutan/ Sijil Profesional / Al-Hafiz. | JPSM | 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|--|---|--|---------------------------|---|
| | | | 2. Memilih calon yang sesuai dan mengatur penempatan yang sesuai dan munasabah di setiap jabatan berdasarkan kemahiran dan kemampuan untuk melaksanakan Dasar Kerajaan (Pelan Organisasi Latihan). | | 2018 – 2025 |
| | | 2. Memantapkan pemahaman dan pembudayaan UBUDIYAH, MASULIYAH & ITQAN (UMI) di kalangan penjawat awam. | 1. Pemantauan pelaksanaan Program UMI peringkat jabatan secara berterusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan UMI setiap 2 bulan sekali. 2. Mengamalkan Konsep Penanda Aras Amalan Terbaik (Best Practice Bench Marking). 3. Latihan dan Kursus kepada BPI bagi melahirkan pegawai berprofil tinggi & boleh menjadi " MENTOR " kepada kakitangan. | JPI JPI JPI | 2018 – 2025 2018 – 2025 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|----|--------------------------|--|--|--------------------|---|
| | | 3. Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan | 1. Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2. Mengadakan <i>“Mystery Shopping”</i> dalam pengurusan kaunter dan kualiti panggilan telefon. | JPSM JPSM | 2018 – 2025 2018 – 2025 |
| 2. | <u>KEMAKMURAN</u> | 1. Pengukuhan Kewangan MDGM. | 1. Peningkatan Hasil MDGM. 1.Mengkaji dan membuat pindaan kadar-kadar pengenaan hasil sedia ada di bawah undang-undang berkaitan. 2.Mengenalpasti punca hasil baru. 3. Memastikan peranan MDGM melaksanakan pungutan hasil sifar tunggakan. 4. Menetapkan kadar-kadar sumbangan pembangunan, Caj pemajuan dan ISF selaras arahan semasa yang diterima pakai. 5. Mengenalpasti punca-punca hasil baru melalui projek JV, tanah-tanah kerajaan yang berpotensi bagi | Semua Jabatan MDGM | 2018 – 2025 2018 - 2025 2018 – 2025 2018 – 2025 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|--|---|--|--------------------|-------------|
| | | | <p>meningkatkan hasil pendapatan MDGM.</p> <p>6. Mengenalpasti dan mewujudkan kawasan operasi baru.</p> <p>7. Memperkasa Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang dan Rancangan Kawasan Khas Tanah Tinggi Lojing(RKK) bagi meningkatkan hasil dan tarikan pelaburan luar.</p> | | 2018 – 2025 |
| | | <p>2.Bajet berimbang (perbelanjaan selari dengan pendapatan).</p> | <p>1. Memastikan pungutan hasil dan perbelanjaan berdasarkan sasaran di dalam bajet tahunan.</p> <p>2. Mengamalkan perbelanjaan berhemah dan penjimatan.</p> | JP | 2018 – 2025 |
| | | <p>3.Pengurusan Kewangan yang Mapan.</p> | <p>1.Meningkatkan kecekapan kutipan hasil sedia ada dan hasil baru. (elakkan ketirisan).</p> | Semua jabatan MDGM | 2018 – 2025 |

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | <p>Hasil cukai : Perlombongan, Kuari, Pembalakan, Perlombongan pasir, Sumber air, perladangan dll.</p> <p>Hasil bukan cukai : Perlesenan dan permit, kebenaran merancang dan bangunan, tempat letak kenderaan, sewaan, pengeluaran kompaun dll.</p> <p>2. Penguatkuasaan peruntukan undang-undang Kecil mengikut keperluan semasa.</p> | | 2018 – 2025 |
| | | <p>4. Meningkatkan pendapatan isi rumah (<i>household income</i>) dan MDGM.</p> | <p>1. Kolaborasi dengan IPT dan Agensi kerajaan bagi menyediakan latihan yang berpotensi menjana pendapatan tinggi.</p> <p>2. Keterlibatan dengan industri bagi meningkatkan penyertaan rakyat dalam bidang-bidang berpendapatan tinggi.</p> | <p>Kolaborasi bersama KPTM, MTIB, KESEDAR, FELDA, MPOB dll</p> |
| | | | | 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|---------------------------------------|---|---|--|--------------------------------|
| | | 5. Mengurangkan kadar migrasi rakyat Kelantan ke luar Kelantan. | 1. Membuka lebih banyak pusat pertumbuhan baharu 2. Meningkatkan kemudahan awam dan rekreasi. | OSC, JPPB, JPKJ, JPPB, JPKJ | 2018 – 2025 2018 – 2025 |
| | | 6. Membudayakan rakyat bersukan. | 1. Mengenal pasti dan membangunkan kawasan lapang bagi aktiviti riadah di setiap kawasan PBT. 2. Menjadikan taman tasik sebagai taman bandaran menjelang 2025. | JPPB | 2018 – 2025 |
| | 2. Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan. | 1. Peningkatan ekonomi Jajahan Gua Musang | 1. Membangun Fasiliti Sub Sektor Pelancongan dan mewujudkan “ Tourism Mapping ” 2. Peluasan kawasan dan cadangan pembangunan industri baru melalui taman industri serta mengenal pasti potensi bidang industri — cth perkayuan, | MDGM + Jabatan Pelancongan N. Kelantan | 2018 - 2025 2018 - 2025 |

| | | | | | |
|--|--|--|--|--------------------|-------------|
| | | | pembungkusan dan pelabelan. | | |
| | | 2. Menjadikan biodiversiti dan sektor industri sebagai antara sektor utama penyumbang ekonomi Jajahan Gua Musang | <p>Industri :</p> <p>1.Kawasan-kawasan industri sedia ada dan pewujudan kawasan industri baru.</p> <p>2.Mengkaji dan menempatkan semula kawasan industri sedia ada yang melibatkan lokasi dan jenis industri serta menjadi hubungan bagi Negeri Kelantan.</p> <p>Biodiversiti :</p> <p>1.Menaik taraf kawasan-kawasan pelancongan utama Gua Musang termasuk menjelak Rafflesia, meneroka gua-gua batu kapur, Air Panas BER, Kampung Air Terjun Bukit - Jerek, Air Terjun Jeram Pelangi - Renok, Taman Negara Kuala Koh, Gua Cha, berakit Sungai Nenggiri, cabaran 4WD, industri minyak Gaharu DLL.</p> | Semua Jabatan MDGM | 2018 – 2025 |
| | | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | JPPB | 2018 - 2025 |

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | <p>2.Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta serta NGO bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang sesuai bagi menarik minat pelabur.</p> <p>3. Memberi galakan terhadap aktiviti hilir yang bernilai tinggi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan jajahan Walit. | | |
| | | <p>3. Menjadikan Gua Musang sebagai Hab Halal Utama Kelantan.</p> | <p>1.Mengenal pasti lokasi dan jenis perusahaan untuk diwujudkan di setiap jajahan.</p> <p>2.Mewujudkan 'trademark' lokasi bersesuaian mengikut</p> | <p>Semua Jabatan MDGM</p> <p>2018 – 2025</p> <p>2018 – 2025</p> |

| | | | | | | |
|--|--|--|--|---|---|-------------|
| | | | <p>aktiviti pengeluaran produk.</p> <p>3. Mengenal pasti dan mengekalkan kawasan pertanian aktif.</p> <p>4. Menjadikan Kawasan Tanah Tinggi Lojing sebagai “Kota Agro Lojing”.</p> <p>5. Menggalakkan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa bagi memajukan Lembah Agro Bio Negeri Kelantan.</p> <p>6. Menjadikan Transit Bandar Baru Gua Musang bagi hasil pertanian Lojing.</p> | | 2018 – 2025 | |
| | | | <p>4. Menjadikan Gua Musang sebagai tumpuan utama Pelancongan dalam dan luar Kelantan.</p> | <p>1. Meningkatkan infrasruktur, kebersihan dan kemudahan di kawasan tumpuan.</p> <p>2. Meningkatkan promosi melalui penggunaan teknologi dan bekerjasama</p> | <p>Kolaborasi Jabatan MDGM Bersama TIC, UMK, dll berkaitan.</p> | 2018 – 2025 |

| | | | | |
|--|--|---|--|-------------|
| | | <p>dengan agensi-agensi yang berkaitan.</p> <p>3. Menyediakan kemudahan - kemudahan sokongan kepada pelancong. - Menaiktaraf Rafflesia Center</p> <p>4. Memperbanyakkan penganjuran acara berdasarkan seni budaya dan warisan.</p> <p>5. Menjadikan Tanah Tinggi Lojing sebagai destinasi berdasarkan biodiversiti dan pusat pengeluaran hasil pertanian Negeri Kelantan dan Negara.</p> <p>6. Mewujudkan “International Pondok” di Renok Gua Musang sebagai salah satu tarikan pelancong dan menaiktaraf kawasan di Sg.Bayu, Jerek dan Lojing.</p> <p>7. Menggalakkan agen - agen pelancongan yang menawarkan Pakej Pelancongan Islam.</p> | | 2018 – 2025 |
| | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|--|--|--|--------------------------------|-------------|
| | | | <p>8. Memperbanyakkan produk pelancongan Agama seperti Masjid Buluh, Masjid berkonsepkan Masjidil Haram.</p> <p>9. Memperkasakan bangunan-bangunan berkonsepkan Islam sebagai contoh RNR pemerksaan nama-nama taman baru berunsurkan islam.</p> <p>10. Mewujudkan Pelancongan Empangan Nenggiri di bawah Jawatankuasa Pelancongan.</p> <p>11. Mewujudkan Pelancongan Orang Asli.</p> <p>12. Menaik taraf Padang Golf 18 Lubang dan Komponen Pertanian berkaitan.</p> | JPPB | 2018 – 2025 |
| | | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | Jabatan Pelancongan N.Kelantan | 2018 – 2025 |
| | | | | JPKJ | 2018 - 2025 |

| | | | | | |
|--|--|---|---|--|--|
| | | <p>5. Menjadikan Gua Musang sebagai destinasi pelaburan yang kondusif.</p> | <p>1. Mengerakkan Invest Kelantan untuk menarik pelaburan luar.</p> <p>2. Meningkatkan hubungan serta aktiviti promosi pelaburan bersama-sama dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.</p> <p>3. Memudahkan fasilitasi tatacara untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Sehenti Pelaburan Negeri Kelantan dan Unit OSC PBT.</p> | <p>Semua Jabatan MDGM</p> | <p>2018 – 2020</p> <p>2018 – 2020</p> <p>2018 – 2020</p> |
| | <p>3. Pembangunan Infrastruktur Dan Fizikal.</p> | <p>1. Mengurangkan impak yang besar kesan daripada bencana banjir.</p> | <p>1. Membina Empangan Nenggiri.</p> | <p>UPEN / TNB PLANMalaysia @Kelantan</p> | <p>2018 – 2025</p> |
| | | <p>2. Mewujudkan hab pengangkutan bersepadu bagi menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan</p> | <p>1. Membina Terminal Pengangkutan Bersepadu Gua Musang bagi laluan Kuala Lumpur dan laluan utara.</p> | <p>JPKJ</p> | <p>2020 – 2025</p> |

| | | | | | |
|----|-------------------------|--|---|--|---|
| | | hubungan Negeri Kelantan. | | | |
| | | 3. Meningkatkan penembusan jalur lebar secara signifikan di seluruh Negeri Kelantan. | 1.Membangunkan Pelan Halatju ICT Negeri bagi Jajahan Gua Musang. 2.Pelaksanaan Rangkaian Kelantan.Net. | JTM JTM | 2020 – 2025 2020 – 2025 |
| 3. | <u>KEBAJIKAN</u> | 1. Kebersihan Dan Kesihatan Rakyat. | 1. Meningkatkan keberkesan pengurusan kebersihan dalam kawasan perbandaran. | 1. Memperkemaskan Undang-undang Kecil PBT yang berkaitan dengan kebersihan. 2. Menambah dana bagi mengatasi masalah aset dan tenaga kerja pembersihan. 3. Menggunakan teknologi moden dalam operasi pembersihan. | JPKA 2018 – 2025 2018 – 2025 2018 – 2025 |
| | | | 4. Meningkatkan aktiviti / tindakan | | |

| | | | | | |
|--|--|---|--|-------------|-------------|
| | | | <p>penguatkuasaan kebersihan.</p> <p>5. Mewujudkan zon kawalan kebersihan di bawah seliaan Ahli Majlis PBT.</p> <p>6. Mempertingkatkan program kitar semula.</p> | | 2018 – 2025 |
| | | | | | 2018 – 2025 |
| | | | | | 2018 – 2025 |
| | | 2. Mewujudkan prasarana kesihatan dan persekitaran yang terbaik bagi Negeri Kelantan. | <p>1. Menyediakan tempat-tempat riadah yang mematuhi syariat.</p> <p>2. Memperkenalkan program - program kesenian, kebudayaan, sukan, riadah dan hiburan yang tidak bertentangan dengan syarak bagi melahirkan masyarakat yang sihat fizikal dan mental.</p> | JPKA JPI | 2018 – 2025 |
| | | | | | 2018 – 2025 |

| | | | | | |
|--|-----------------------------|--|---|--------------------|-------------|
| | 2. Pembangunan Perbandaran. | 1. Ke arah pembangunan bandar yang dapat memenuhi keperluan semasa dan keperluan masa depan. | <p>1. Menyemak Perundangan, Garis Panduan dan Piawaian sedia ada yang telah diluluskan/diguna pakai oleh Kerajaan Negeri cth: Bandar Selamat, murniNet.</p> <p>2. Mewujudkan Dasar Perbandaran Negeri berdasarkan Dasar Perbandaran Negara.</p> <p>3. Menguatkuasakan dasar-dasar perundangan, garis panduan dan piawaian sedia ada yang digunakan oleh negeri.</p> <p>4. Mewujudkan data geran tanah i-plan yang menyeluruh bagi Gua Musang.</p> | JPPB JP | 2018 – 2025 |
| | | | | JPPB | 2018 – 2025 |
| | | | | Semua Jabatan MDGM | 2018 – 2025 |
| | | | | JPPB | 2018 - 2025 |

| | | | | | |
|--|--|---|--|-----------------------|-------------|
| | | 2. Mewujudkan bandar-bandar baru yang bercirikan Islam dan mengekalkan identiti tradisional Kelantan. | 1. Mewujudkan Dasar Perbandaran Islam. | OSC, JPPB JPK, JPI | 2018 – 2025 |
| | | 3. Menerapkan inisiatif “ Green City ” di semua PBT. | 1. Menyediakan pelan pembangunan dan pelaksanaan bandar hijau. | JPPB | 2018 – 2025 |



PETA STRATEGIK

Peta Strategi (*Strategy Map*) dapat memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan.

Peta Strategi ini dapat dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu, Perspektif Pelanggan yang mengandungi 5 strategi, Perspektif Kewangan mengandungi 2 strategi, Perspektif Proses Dalaman mengandungi 3 strategi manakala Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan mengandungi 4 strategi.

Strategi-strategi ini perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Stategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan kepada indikator yang telah ditetapkan.

PETA STRATEGI MDGM 2016 - 2025

PERSPEKTIF PELANGGAN

Mempertingkatkan
Kemudahan
Dan Infrastruktur
Awam

Memperkuatkan
Jalinan Dan
Penyertaan
Komuniti Dalam
Aktiviti Dan
Program MDGM

Membangunkan
Masyarakat
Yang Sihat
Fizikal, Mental
Dan Berbudaya

PERSPEKTIF PELANGGAN

Memperkuatkan
Pengurusan
Aset Dan Fasiliti
Awam

Mempertingkatkan
Agenda
Perpaduan
Masyarakat

PETA STRATEGI MDGM 2016 - 2025

PERSPEKTIF KEWANGAN

Memantapkan
Pengurusan
Kewangan

**PERSPEKTIF
KEWANGAN**

Memantapkan
Keupayaan
Kutipan Hasil

Memperkuuhkan
Pembangunan
Sosio Ekonomi

PETA STRATEGI MDGM 2016 - 2025

PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



PETA STRATEGI MDGM 2016 - 2025

PERSPEKTIF PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pembangunan Modal Insan

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan MDGM melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, metodologi penyelidikan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor mentee dan pengurusan pembangunan kerja akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja dalam menjalankan tugas MDGM.

Pengurusan projek

Pengurusan projek akan diperkemaskan bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan agar memenuhi sasaran objektif yang ditetapkan. Pada masa yang sama sumber-sumber yang ada akan digembung secara optimum bagi mencapai maksud ini.

Kapasiti Organisasi

Kapasiti organisasi MDGM akan diperkuatkan agar dapat menggerakkan tumpuan baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini disokong oleh organisasi yang mantap

dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, metriks dan berdasarkan projek.

Penggunaan Teknologi ICT

Kemudahan ICT yang ada perlu dimanfaatkan dengan cara pembelajaran berterusan dengan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Ini kerana maklumat MDGM dapat disampaikan kepada pelanggan dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu dengan teknologi ICT, pelbagai maklumat akan kita perolehi jika pandai memanfaatkannya.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian semula pelan strategik MDGM akan dijalankan pada tahun 2025 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula akan mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MDGM.

MEKAMISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di MDGM memainkan peranan dan tanggungjawap masing-masing dalam tempoh 10 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti jadual di bawah:-

| Bil. | Perkara | Tarikh Cadangan | | |
|------|---|-----------------------|------|------|
| 1. | Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik | Setiap 6 bulan | | |
| 2. | Penilaian Pencapaian | Setiap 2 tahun | | |
| 3. | Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik | 2025 | | |
| 2017 | 2019 | 2021 | 2023 | 2025 |

Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua (2) tahun. Untuk menentukan keberkesanan perlaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2025.

Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MDGM. Dalam pada itu, bagi mamantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan.

Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi MDGM. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di bawah :-

| JAWATAN | KEAHLIAN |
|------------|---------------------------|
| PENGERUSI | YANG DIPERTUA/ SETIAUSAHA |
| SETIAUSAHA | UNIT PENTADBIRAN |
| AHLI-AHLI | SEMUA KETUA JABATAN |



BAB 4

PENUTUP



PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan sebagai kunci kepada kejayaan pelaksanaan program-program sosial dan ekonomi yang digubal kerajaan. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang meningkat.

Pelan Strategik MDGM 2016 – 2025 telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan / program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang disasarkan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan kepada indikator yang ditetapkan.

Pelan Strategik ini menggariskan tumpuan, teras dan sasaran strategik ke arah mencapai keperluan organisasi dan kepuasan pelanggan. Pelan Strategik ini menyediakan rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalam bagi merealisasikan matlamat strategik MDGM.

RUMUSAN PENEMUAN

BRAINSTORMING PELAN STRATEGIK MDGM 2016 – 2025 PADA 5-7 JANUARI 2017 DI HOTEL PREMIERA HOTEL, KUALA LUMPUR

Kumpulan A (Analisis SWOT MDGM)

1. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF
2. AHMAD FAIEZ BIN MOHAMMED
3. MOHD RUZUKE BIN ABDUL AZIZ
4. ABDUL FATAH B. ABDUL GHANI
5. MOHD ZAWAWI BIN SIDEK
6. MUHAMMAD MUKLIS BIN MUSTAFA
7. MADIHAH BT ABDULLAH

Kumpulan B (Analisis SWOT pembangunan Gua Musang)

1. HAJI NIK ABDUL HALIM BIN HAJI NIK HASSAN
2. MOHAMMAD AIMAN BIN HASSAN
3. MOHD HISYAM BIN HASSAN
4. MOHD SUHAIRIZAN BIN HASSAN
5. ROSMAINIWATY BINTI AHMAD
6. MOHAMAD ZARAHI BIN MOHD NOOR

RUMUSAN PENEMUAN SWOT ANALISIS PEMBANGUNAN GUA MUSANG

2016-2025

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|---|--|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - KAWASAN-KAWASAN PELANCONGAN YANG MENARIK - GUA-GUA BATU KAPUR - KOLAM AIR PANAS - BUNGA REFLESIA (LOJING) - BURUNG WALIT - PRODUK ORANG ASLI - PERTANIAN TANAH TINGGI (LOJING) - TAMAN REKREASI - KG ATAS BUKIT | <ul style="list-style-type: none"> - TIDAK DIBANGUNKAN DAN DIAMBIL PELUANG - TIDAK DIMAJUKAN DAN DIBANGUNKAN - TIADA OPERATOR ATAU PENGENDALI (LUAR) - TIADA PUSAT PENGUMPULAN PRODUK - TIADA PUSAT PEMASARAN - TIDAK DIBANGUNKAN UNTUK PRODUK PERTANIAN | <ul style="list-style-type: none"> PENJANAAN PENDAPATAN MENYELURUH (SOCIETY BENEFIT) KEPELBAGAIAN SUMBER ALAM DAN PEMELIHARAAN (PRESERVATION) MEMELIHARA, MEMANTAU DAN CONSERVATION (GENERASI AKAN DATANG) KEUNIKAN ALAM SEMULAJADI LOKASI STRATEGIC POTENSI MARKET GUNA TANAH MELUAS PRASARANA ALAM SEMULAJADI – SEMUA ADA DI GUA MUSANG KOLABORASI DENGAN PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN / PENDIDIKAN KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN PELAKSANA | <ul style="list-style-type: none"> KEHILANGAN PELUANG-PELUANG PENDAPATAN PENCEMARAN DAN HAKISAN PEMBAZIRAN DAN KETIRISAN HASIL |

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|---|--|--|----------------|
| <p>INFRASTRUKTUR YANG BAIK - JAJARAN JALAN /</p> <ul style="list-style-type: none"> - KUALA TERENGGANU - KUALA LUMPUR - CAMERON HIGHLAND - KOTA BHARU | <ul style="list-style-type: none"> - KURANG PROMOSI, KURANG KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR | <p>MENDEKATKAN RANGKAIAN AKSESIBILITI (PENYEDIAAN RNR, JARINGAN JALAN) PENYEDIAAN TRANSIT BANDAR – HOTEL, PENGANGKUTAN, BENGKEL, RNR DAN SEBAGAINYA</p> | |
| <p>KAWASAN LADANG YANG LUAS</p> <ul style="list-style-type: none"> - KILANG SEDIA ADA 7 - KILANG KELUAR MINYAK | <ul style="list-style-type: none"> - TENAGA KERJA BUMIPUTERA TIADA SAMBUTAN - TIADA KEPAKARAN - TIADA KILANG PENGELUAR / PEMBUNGKUSAN MINYAK -TIADA REKOD PERMOHONAN KM - PELUANG PEKERJAAN KURANG – PENGHIJRAHAN BERLAKU | <p>STRATEGI PEMBANGUNAN MAMPAN GENERATE PELUANG PEKERJAAN TAHAP KERJASAMA MASYARAKAT, BADAN-BADAN SWASTA DAN KERAJAAN.</p> <p>HUB PUBLIC TRANSPORT ONE STOP INDUSTRY – UNTUK BUAT PERABOT, MINYAK GAHARU, MARMAR, SIMEN.</p> | PASARAN TERHAD |
| <p>PERTANIAN TANAH TINGGI</p> <ul style="list-style-type: none"> - LOJING PENGELOUAR TOMATO TERBESAR DI MALAYSIA | <ul style="list-style-type: none"> - TIADA PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMBUNGKUSAN -TIADA KAWALAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH - KEKURANGAN SUMBER KEWANGAN YANG MENCUKUPI | <p>HUB HASIL PERTANIAN</p> | BURUH ASING |

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|---|---|--|-----------------------------|
| - PADANG GOLF - REKREASI – CADANGAN PEMBANGUNAN BARU - PEMBESARAN TAMAN BANDAR | PERTANDINGAN BESAR TIDAK BOLEH DIANJURKAN KERANA TIDAK CUKUP SYARAT – 9 LUBANG SAHAJA (TIADA TARIKAN PELANCONG) | PUSAT REKREASI BARU PERTAMBAHAN PUSAT TUMPUAN KOLABORASI JABATAN LANDSKAP NEGARA | PENGURUSAN |
| INDUSTRI PERKAYUAN INDUSTRI MARMAR (SUNGAI TERAH) | KESUKARAN MENEMBUSI PASARAN | PELUANG PEKERJAAN SEKTOR BARU EKONOMI KOLABORASI MTIB, MPC, MPOB CREATE N FASILATATE KEMUDAHAN INFRA YANG BAIK | |
| PENGURUSAN SISTEMATIK | TIADA PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM LOCAL AGENDA 21 - PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT | PENGAGIHAN KERJA SAMA RATA / SEIMBANG | BEBANAN KERJA |
| | BANYAK CAMPUR TANGAN KERENAH BIROKRASI | PENYEDIAAN SOP YANG MENYELURUH DAN JELAS | MONOPOLI PIHAK TERTENTU |
| | KURANG KEMUDAHAN ICT DALAM PENGURUSAN - PEMBAYARAN AUTO DEBIT | HEBAHAN MELUAS | KOS TINGGI - KEPAKARAN LUAR |
| | TIADA KESINAMBUNGAN KERJA | SOP | PERANCANGAN TERTANGGUH |
| | KURANG KNOWLEDGE | PBT+MASYARAT+NGO | |

| SEKTOR | TINDAKAN SEMASA | CADANGAN PUNCA HASIL BARU PBT | KEMUDAHAN |
|--|---|--|---|
| BURUNG WALIT (2017-2018) | KENAL PASTI KAWASAN DAN PEMANTAUAN SERTA PEMUTIHAN KAWASAN | 1. PEMBUKAAN TANAH BAGI PASARAN BURUNG WALIT | MEMPERMUDAHKAN KELULUSAN PERANCANGAN + TAPAK LOKASI KOLABORASI |
| PELANCONGAN BIO DIVERSITI (2017 – 2025) - BUNGA RAFFLESIA, GUA, AIR TERJUN (MERANTO – KG ATAS BUKIT), | MENGENAL PASTI KAWASAN TUMPUAN PELANCONGAN | 2. PEMAJUAN KAWASAN BARU PELANCONGAN (BIO DIVERSITI) | |
| INDUSTRI (>2020) | PELUASAN KAWASAN INDUSTRI | 3. PEMAJUAN HUB PERKAYUAN | |
| PERTANIAN (<2019) | MENGENAL PASTI POTENSI PEMBANGUNAN | 4. PEMAJUAN HUB PERTANIAN | |
| SUMBER MINERAL (<2020) | MENGENAL PASTI LOKASI DAN SASARAN NEGERI | 5. PEMAJUAN HUB MARMAR | |
| LADANG (<2019) | PENYENARAIAN KILANG UNTUK CUKAI PENGEMUKAKAN PELAN-PELAN | 6. PEMAJUAN HUB MINYAK | |

| IMPAK PEMBANGUNAN | KESAN |
|-------------------|---|
| EKONOMI | <ul style="list-style-type: none"> - GOLONGAN PENEROKA (FELDA +KESEDAR) – PENOREH GETAH - KEADAAN EKONOMI TIDAK MENENTU SOFT SKILL DAN HARD SKILL PERLU BALANCE (KEAGAMAAN + IT TEKNOLOGI) |
| POLITIK | <ul style="list-style-type: none"> - KESEIMBANGAN POLITIK SEMASA DAN AKAN DATANG |
| SOSIAL | <ul style="list-style-type: none"> - BERBILANG KAUM DAN ETNIK - BANDAR TRADISIONAL – KG. PULAI (TOKONG CHINA TERTUA DI ASIA) - TEKNOLOGI – INDUSTRI – KOLABORASI MTIB (MALAYSIA TIMBER INDUSTRIES BOARD) – DOWN STREAM – (CONTOH MUAR) |
| | <p>PEMBANGUNAN INSAN - KOLABORASI KPTM (MARA)</p> |

RUJUKAN

| SINGKATAN NAMA | |
|-----------------------|---------------------------------------|
| MDGM | Majlis Daerah Gua Musang |
| JPSM | Jabatan Pentadbiran Sumber Manusia |
| JP | Jabatan Perbendaharaan |
| JPI | Jabatan Pembangunan Islam |
| JPL | Jabatan Pelancongan |
| JPPB | Jabatan Perancangan Pembangunan |
| JPKJ | Jabatan Pembangunan Kejuruteraan |
| JKPA | Jabatan Perlesenan Dan Kesihatan Awam |
| JPS | Jabatan Pengairan Dan Saliran |
| TNB | Tenaga Nasional Berhad |
| JTM | Jabatan Teknologi Maklumat |
| OSC | Jabatan Pusat Setempat |
| MPOB | Malaysian Palm Oil Board |
| MTIB | Malaysian Timber Industry Board |
| KPTM | Kolej Poly-Tech Mara |
| KESEDAR | Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| TIC | Kelantan Tourism Information Centre |
| UPEN | Unit Perancang Ekonomi Negeri |
| UMK | Universiti Malaysia Kelantan |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |

RUMUSAN PENEMUAN

BRAINNSTORMING PELAN STRATEGIK MDGM 2016 – 2025 PADA 5-7 JANUARI 2017 DI HOTEL PREMIERA HOTEL, KUALA LUMPUR

Kumpulan A (Analisis SWOT MDGM)

1. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF
2. AHMAD FAIEZ BIN MOHAMMED
3. MOHD RUZUKE BIN ABDUL AZIZ
4. ABDUL FATAH B. ABDUL GHANI
5. MOHD ZAWAWI BIN SIDEK
6. MUHAMMAD MUKLIS BIN MUSTAFA
7. MADIHAH BT ABDULLAH

Kumpulan B (Analisis SWOT pembangunan Gua Musang)

1. HAJI NIK ABDUL HALIM BIN HAJI NIK HASSAN
2. MOHAMMAD AIMAN BIN HASSAN
3. MOHD HISYAM BIN HASSAN
4. MOHD SUHAIRIZAN BIN HASSAN
5. ROSMAINIWATY BINTI AHMAD
6. MOHAMAD ZARAHI BIN MOHD NOOR

RUMUSAN PENEMUAN

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|---|--|--|--|
| <p>KAWASAN-KAWASAN PELANCONGAN YANG MENARIK</p> <ul style="list-style-type: none"> - GUA-GUA BATU KAPUR - KOLAM AIR PANAS - BUNGA REFLESIA (LOJING) - BURUNG WALIT - PRODUK ORANG ASLI - PERTANIAN TANAH TINGGI (LOJING) - TAMAN REKREASI - KG ATAS BUKIT | <ul style="list-style-type: none"> - TIDAK DIBANGUNKAN DAN DIAMBIL PELUANG - TIDAK DIMAJUKAN DAN DIBANGUNKAN - TIADA OPERATOR ATAU PENGENDALI (LUAR) - TIADA PUSAT PENGUMPULAN PRODUK - TIADA PUSAT PEMASARAN - TIDAK DIBANGUNKAN UNTUK PRODUK PERTANIAN | <p>PENJANAAN PENDAPATAN MENYELURUH (SOCIETY BENEFIT)</p> <p>KEPELBAGAIAN SUMBER ALAM DAN PEMELIHARAAN (PRESERVATION) MEMELIHARA, MEMANTAU DAN CONSERVATION (GENERASI AKAN DATANG)</p> <p>KEUNIKAN ALAM SEMULAJADI</p> <p>LOKASI STRATEGIC</p> <p>POTENSI MARKET GUNATANAH MELUAS</p> <p>PRASARANA ALAM SEMULAJADI – SEMUA ADA DI GUA MUSANG</p> <p>KOLABRASI DENGAN PUSAT2 PENYELIDIKAN / PENDIDIKAN</p> <p>KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN PELAKSANA</p> | <p>KEHILANGAN PELUANG-PELUANG PENDAPATAN</p> <p>PENCEMARAN DAN HAKISAN</p> <p>PEMBAZIRAN DAN KETIRISAN HASIL</p> |

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|--|---|---|----------------|
| INFRASTRUKTUR YANG BAIK - JAJARAN JALAN / - KUALA TERENGGANU - KUALA LUMPUR - CAMERON HIGHLAND - KOTA BHARU | - KURANG PROMOSI, KURANG KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR | MENDEKATKAN RANGKAIAN AKSESIBILITI (PENYEDIAAN RNR, JARINGAN JALAN) PENYEDIAAN TRASIT BANDAR – HOTEL, PENGANGKUTAN, BENGKEL, RNR DAN SEBAGAINYA | |
| KAWASAN LADANG YANG LUAS - KILANG SEDIADA 7 - KILANG KELUAR MINYAK | - TENAGA KERJA BUMIPUTRA TIADA SAMBUTAN - TIADA KEPAKARAN - TIADA KILANG PENGETAHUAN / PEMBURUNGKUSAN MINYAK -TIADA REKOD PERMOHONAN KM - PELUANG PEKERJAAN KURANG – PENGHIJRAHAN BERLAKU | STRATEGI PEMBANGUNAN MAMPAN GENERATE PELUANG PEKERJAAN TAHAP KERJASAMA MASYARAKAT, BADAN-BADAN SWASTA DAN KERAJAAN. HUB PUBLIC TRANSPORT ONE STOP INDUSTRY – UNTUK BUAT PERABOT, MINYAK GAHARU, MARMAR, SIMEN. | PASARAN TERHAD |
| PERTANIAN TANAH TINGGI - LOJING PENGETAHUAN TOMATO TERBESAR DI MALAYSIA | - TIADA PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMBURUNGKUSAN -TIADA KAWALAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH - KEKURANGAN SUMBER KEWANGAN YANG MENCUKUPI | HUB HASIL PERTANIAN | BURUH ASING |

| KEKUATAN | KELEMAHAN | PELUANG | ANCAMAN |
|---|---|---|-----------------------------|
| - PADANG GOLF - REKREASI – CADANGAN PEMBANGUNAN BARU - PEMBESARAN TAMAN BANDAR | PERTANDINGAN BESAR TIDAK BOLEH DIANJURKAN KERANA TIDAK CUKUP SYARAT – 9 LUBANG SAHAJA (TIADA TARIKAN PELANCONG) | PUSAT REKREASI BARU PERTAMBAHAN PUSAT TUMPUAN KOLABRASI JABATAN LANDSKAP NEGARA | PENGURUSAN |
| INDUSTRI PERKAYUAN INDUSTRI MARMAR (SUNGAI TERAH) | KESUKARAN MENEMBUSI PASARAN | PELUANG PEKERJAAN SEKTOR BARU EKONOMI KOLABRASI MTIB, MPC, MPOB CREATE N FASILATATE KEMUDAHAN INFRA YANG BAIK | |
| PENGURUSAN SISTEMATIK | TIADA PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM LOCAL AGENDA 21 - PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT MELALUI | PENGAGIHAN KERJA SAMARATA / SEIMBANG | BEBANAN KERJA |
| | BANYAK CAMPUR TANGAN KERENAH BIROKRASI | PENYEDIAAN SOP YANG MENYELURUH DAN JELAS | MONOPOLI PIHAK TERTENTU |
| | KURANG KEMUDAHAN ICT DALAM PENGURUSAN - PEMBAYARAN AUTO DEBIT | HEBAHAN MELUAS | KOS TINGGI - KEPAKARAN LUAR |
| | TIADA KESINAMBUNGAN KERJA | SOP | PERANCANGAN TERTANGGUH |
| | KURANG KNOWLEDGE | PBT+MASYARAT+NGO | |


| SEKTOR | TINDAKAN SEMASA | CADANGAN PUNCA HASIL BARU PBT | KEMUDAHAN |
|--|---|--|---|
| BURUNG WALIT (2017-2018) | KENALPASTI KAWASAN DAN PEMANTAUAN SERTA PEMUTIHAN KAWASAN | 1. PEMBUKAAN TANAH BAGI PASARAN BURUNG WALIT | MEMPERMUDAHKAN KELULUSAN PERANCANGAN + TAPAK LOKASI |
| PELANCONGAN BIO DIVERSITI (2017 – 2025) - BUNGA REFLESIA, GUA, AIR TERJUN (MERANTO – KG ATAS BUKIT), | MENGENALPASTI KAWASAN TUMPUAN PELANCONGAN | 2. PEMAJUAN KAWASAN BARU PELANCONGAN (BIO DIVERSITI) | KOLABRASI |
| INDUSTRI (>2020) | PELUASAN KAWASAN INDUSTRI | 3. PEMAJUAN HUB PERKAYUAN | |
| PERTANIAN (<2019) | MENGENALPASTI POTENSI PEMBANGUNAN | 4. PEMAJUAN HUB PERTANIAN | |
| SUMBER MINERAL (<2020) | MENGENALPASTI LOKASI DAN SASARAN NEGERI | 5. PEMAJUAN HUB MARMAR | |
| LADANG (<2019) | PENYENARAIAN KILANG UNTUK CUKAI PENGEMUKAKAN PELAN-PELAN | 6. PEMAJUAN HUB MINYAK | |

| 2017 | 2019 | 2021 | 2023 | 2025 |
|------|------|------|------|------|
|------|------|------|------|------|

| IMPAK PEMBANGUNAN | KESAN |
|-------------------|--|
| EKONOMI | <ul style="list-style-type: none"> - GOLONGAN PENEROKA (FELDA +KESEDAR) – PENOREH GETAH - KEADAAN EKONOMI TIDAK MENENTU SOFT SKILL DAN HARD SKILL PERLU BALANCE (KEAGAMAAN + IT TEKNOLOGI) |
| POLITIK | <ul style="list-style-type: none"> - KESEIMBANGAN POLITIK SEMASA DAN AKAN DATANG |
| SOSIAL | <ul style="list-style-type: none"> - BERBILANG KAUN DAN ETNIK - BANDAR TRADISIONAL - KG PULAI (TOKONG CHINA TERTUA DI ASIA) - TEKNOLOGI – INDUSTRI – KOLABRASI MTIB (MALAYSIA TIMBER INDUSTRIES BOARD) – DOWN STREAM – (CONTOH MUAR) <p>PEMBANGUNAN INSAN - KOLABRASI KPTM (MARA)</p> |



مجالس دائرية مسنه و موسى MAJLIS DAERAH GUA MUSANG



mdgm.kelantan.gov.my



www.facebook.com/mdguamusang



www.youtube.com/user/mdguamusang




twitter.com/mdguamusang



www.instagram.com/mdguamusang



mdgm@kelantan.gov.my



"BERSIL, INDAL, CERIA"